



Program "Salam Baitullah 2016" di TV1 Bawa Pembaharuan

KUALA LUMPUR, 27 Julai 2016 – Sambutan menggalakkan daripada penonton yang meminta supaya program ini diadakan pada setiap musim haji telah mendorong RTM untuk meneruskan penerbitannya setiap tahun. Justeru bermula pada musim haji tahun 2010H/1431H, RTM mengadakan kerjasama dengan Lembaga Tabung Haji dan Bank Rakyat Berhad untuk menerbitkan program ini secara lebih terancang dan menarik. Kerjasama ini berlanjutan setiap tahun iaitu bermula pada 2011 sehingga 2015.

Pada tahun ini, Syarikat Serai Mas Herbs Trading adalah penaja utama rancangan "**Salam Baitullah 2016**" dan Bank Rakyat sebagai penaja bersama serta dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji.

Setiap tahun pelbagai penambahbaikan dilakukan oleh para penaja dan pihak produksi bagi menarik minat golongan generasi muda dan segenap lapisan masyarakat untuk menonton program ini.

Bertemakan "Memetik Ibrah, Membentuk Sahsiah", program bersiaran **mulai 31 Ogos 2016 hingga 15 September 2016, pukul 9.00 malam hingga 10.00 malam di TV1**. Siaran ulangan pula akan bermula pada 1 hingga 16 September 2016, pukul 2.00 petang di TV1. Satu siaran langsung khas bersempena dengan Hari Wukuf juga akan bersiaran pada 11 September 2016, pukul 4.30 petang hingga 11 malam.

Menurut YBhg. Dato' Adilah Shek Omar, Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Strategik) pada majlis Pelancaran Program Salam Baitullah di Wisma Berita, Angkasapuri baru-baru ini, "Salam Baitullah merupakan satu program tonggak RTM yang sentiasa mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam, lebih-lebih lagi kepada bakal haji. Malah program ini sentiasa ditunggu-tunggu kerana pengisiannya begitu padat dengan ilmu yang memberi pengetahuan, panduan, nasihat dan bimbingan yang amat berguna kepada kalangan umat Islam khususnya penonton RTM".



rtm_malaysia



RTM – Radio Televisyen Malaysia



rtmmobile



myklik.rtm.gov.my



rtm_malaysia

Justeru RTM bersama pihak penaja berharap siaran Salam Baitullah musim ke-7 dapat membantu rakyat Malaysia yang beragama Islam dan khususnya kepada para jemaah haji agar mendapat bimbingan serta garis panduan yang tepat dan betul.

Tajuk yang dikongsikan iaitu Mencintai Rasulullah, Satu Kiblat Yang Sama, Teguhnya Imanmu Hajar, Perniagaan Tidak Akan Rugi, Haji Rasulullah, Wahyu Pertama, Haji Licik, Hukum Hakam Haji, Bahagiannya Haji, Media Sosial Haji / Islam Universal, Cinta Jabal Rahmah (Titik Perubahan Dalam Kehidupan), Arafah, Ismail Kita, Lontarlah Jamrahmu, Korban Atau Terkorban, dan Suci Dalam Debu.

Antara tetamu undangan Ustaz Don Daniyal Don Biyajid, Datuk Ustaz Mohd Kazim Elias Al-Hafiz, Ustazah Norhafizah Musa, Dr. Zaharuddin Abd Rahman, Al Habib Ali Zaenal Abidin bin Abu Bakar Al Hamid, Ustazah Isfadiyah Mohd Dasuki, Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani, Dato' Prof Muhaya Mohamad, Ustaz Elias Ismail, Ustaz Muhadir Hj Joll, Prof Dr. Muhammad Kamil Ibrahim, Ustaz Haslin Baharin, Ustaz Dato' Mohd Zawawi Yusof dan Dato' Ustaz Badli Shah Alauddin.

Menampilkan Pengacara Ustaz Syed Abdul Kadir Aljoofre dan Heliza Helmi, penonton juga berpeluang memenangi hadiah melalui penyertaan kuiz untuk penonton. Antara hadiah yang ditawarkan ialah pakej umrah bagi hadiah utama dan hadiah berbentuk wang tunai tajaan syarikat Serai Mas Herbs Trading.

Bagi mereka yang tidak sempat untuk menonton di TV, mereka berpeluang menontonnya menerusi portal online, Myklik (myklik.rtm.gov.my). Rancangan ini juga dapat ditonton melalui rtm mobile. Muat turun aplikasinya di Google Play dan App Store.

- ### -

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut sila hubungi :

NURUL FARIZA IBRAHIM

Seksyen Perhubungan Media & Publisiti, Bahagian Perhubungan Raya, Jabatan Penyiaran Malaysia

Tingkat 2, Wisma TV, ANGKASAPURI 50614 Kuala Lumpur

Tel : 603 2288 7166

E-mel : nurulfa83@gmail.com



rtm_malaysia



RTM – Radio Televisyen Malaysia



rtmmobile



myklik.rtm.gov.my



rtm_malaysia



rtm_malaysia



RTM – Radio Televisyen Malaysia



rtmmobile



myklik.rtm.gov.my



rtm_malaysia